

## Antabax bantu golongan kurang berkemampuan

NOR ATIEYAH YUSOFF

| 9 September 2015



Sim (dua, kiri) bersama Aishah (dua, kanan) ketika pelancaran kempen Antabax dan 99 Speedmart untuk Yayasan IJN.

**SYARIKAT** Lam Soon Edible Oils Sdn Bhd bekerjasama dengan pasar raya 99 Speedmart menerusi kempen Have A Heart, Save Life bersama produk Antabax.

Pengurus Produk Kumpulan, Isi Rumah dan Penjagaan Diri Bahagian Pemasarannya, Angeline Sim berkata, sejak kempen itu diperkenalkan sejak 2009, Antabax menyumbang lebih sejuta ringgit kepada pelbagai organisasi.

"Untuk kali ini, jenama Antabax melancarkan kempen itu yang berlangsung 1 September hingga 30 November ini untuk disalurkan ke Institut Jantung Negara (IJN).

"Sebanyak lima peratus hasil jualan akan disumbangkan kepada institut ini sama ada dalam bentuk tunai dan produk kesihatan," katanya.

Beliau berkata, walaupun dana yang dikumpul menerusi kolaborasi itu tidak mencukupi untuk membantu semua orang, namun syarikat itu berharap dapat mengurangkan beban mereka.

"Kebanyakan mereka adalah golongan berpendapatan rendah dan tidak mampu bayar kos pembedahan mencecah puluhan ribu ringgit.

"Selain menjaga kesihatan dengan betul, saya harap masyarakat dapat mencegah sebelum penyakit muncul," katanya.

Sementara itu, Pengurus Yayasan IJN, Datuk Seri Dr Aishah Ong berkata, yayasan membelanjakan lebih RM4 juta setiap tahun menerusi Program Bantuan Pesakit.

"Yayasan IJN bergantung kepada sokongan daripada penderma untuk bantu mereka yang memerlukan.

"Kami berharap lebih banyak syarikat korporat mengikuti usaha murni Antabax dan 99 Speedmart," katanya.